

Quattro West menang anugerah

KUALA LUMPUR 27 April – Axis REIT Managers Bhd. (Axis REIT) mengumumkan projek perkembangan Quattro West (sebelum ini dikenali Nestle House) telah memenangi anugerah kategori ‘Pembangunan Semula Terbaik’.

Anugerah itu disampaikan dalam majlis Anugerah Hartanah Komersial Asia Pasifik 2010 baru-baru ini dengan kerjasama stesen televisyen antarabangsa, Bloomberg.

Kejayaan itu diumumkan pada majlis gala makan malam yang berlangsung di

malam yang berlangsung di Langham Hotel di Hong Kong.

Axis REIT dalam kenyataannya di sini berkata, anugerah itu diterima oleh wakil syarikat, Ketua Hartanah ARMB, David Aboud.

Axis REIT berkata, Anugerah Hartanah Asia Pasifik telah dibangunkan sejak 16 tahun lalu meliputi kecemerlangan dalam sektor komersial dan kategori kediaman.

Anugerah berkenaan merupakan antara anugerah hartanah antarabangsa dan merupakan salah satu pertandingan berprestij yang mengiktiraf profesional dalam hartanah di seluruh dunia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Axis REIT Managers Bhd., Stewart LaBrooy berkata, memenangi anugerah kompetitif ini menguji keupayaan Axis Managers Bhd. untuk meneruskan perkembangan

meneruskan perkembangan bangunan dalam portfolionya kepada standard yang diiktiraf terbaik di peringkat antarabangsa.

Katanya, ia memberi keselesaan kepada penyewa-penyewa baru untuk berada dalam pembangunan semula bertaraf dunia.

Axis REIT mengambil alih hartanah iaitu Quattro West bernilai RM39.8 juta pada 2007 yang lalu dan diperuntukkan sebanyak RM7 juta pada 2009 untuk membuat persiapan lengkap apabila Nestle berpindah pada November 2009 yang lalu.